

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 1/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>Perintah Am Bab B memperuntukkan bahawa seseorang pegawai layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa berkursus berdasarkan kadar dan syarat yang telah ditetapkan.</p> <p><u>Takrifan</u></p> <p><u>Kursus</u></p> <p>Sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.</p> <p><u>Latihan</u></p> <p>Proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/ <i>retreat</i>, makmal (<i>lab</i>), seminar/ taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/ korporat/ sambil belajar, klinik kaunseling dan lain-lain program yang memenuhi definisi latihan.</p> <p><u>Kursus Pendek</u></p> <p>Sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya tiga (3) bulan atau kurang termasuk hari hujung minggu dan kelepasan am, kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan.</p>	PP WP1.10 Perenggan 2.4, PP WP1.10 Perenggan 1.1, PP PK7.2 Perenggan 2.6, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 2/17
-------------------------------------	-------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><u>Kursus Panjang</u></p> <p>Sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya adalah melebihi tiga (3) bulan termasuk hari hujung minggu dan kelepasan am, kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan dan kursus yang diiktiraf sebagai kursus Diploma/ Ijazah Pertama/ Ijazah Lanjutan atau setarafnya.</p> <p><u>Kursus Sambilan</u></p> <p>Sebarang kursus yang dijalankan secara sambilan selepas waktu pejabat, kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan.</p> <p><u>Pegawai</u></p> <p>Seorang pegawai tetap/ sementara dalam Perkhidmatan Awam, termasuk anggota dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Tetap Malaysia.</p> <p><u>Gred</u></p> <p>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima SSM boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling ini berdasarkan Gred/ Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB)/ Kumpulan Gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), mengikut mana berkenaan. Jadual perubahan/ perbandingan adalah seperti di Lampiran A.</p>	Perenggan 2.5, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 3/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><u>Ibu Pejabat</u></p> <p>Tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya:</p> <ul style="list-style-type: none">i. 25 km jika boleh dihubungi oleh jalan raya;ii. 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; daniii. 8 km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai. <p><u>Rumah Kediaman</u></p> <ul style="list-style-type: none">i. Rumah kediaman biasa pegawai; atauii. Tempat penginapan semasa berkursus. <p><u>Pusat Pengajian</u></p> <p>Tempat yang sebahagian besar sesuatu kursus itu dijalankan dan bagi tempoh kursus itu, Pusat Pengajian adalah ditakrifkan sebagai Ibu Pejabat.</p> <p><u>Kajian Luar</u></p> <p>Sebarang aktiviti yang diarahkan oleh pusat pengajian semasa berkursus di luar pusat pengajian sama ada untuk membuat sesuatu penyelidikan ataupun disangkutkan di sesuatu Jabatan termasuk lawatan yang diadakan dalam tempoh berkursus.</p>	Perenggan 2.2, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 4/17
-------------------------------------	-------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><u>Elaun Makan</u></p> <p>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih yang dikira mulai daripada waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan.</p> <p><u>Elaun Harian</u></p> <p>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh melebihi lapan (8) jam tetapi kurang daripada 24 jam adalah layak menuntut Elaun Harian mengikut kadar separuh daripada kelayakan Elaun Makannya.</p> <p><u>Pekeliling Bertugas Rasmi Yang Berkaitan</u></p> <p>Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkuat kuasa bagi Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, yang mana berkenaan.</p>	Perenggan 5.1.1, PP WP1.4 Perenggan 5.1.1, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 5/17
-------------------------------------	-------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>1. Tuntutan Elaun Perjalanan</p> <p>Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan diterima selewat-lewatnya 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <p>1.1 Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri yang lengkap diisi (termasuk pendahuluan diri) dan ditandatangan;</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Tuntutan Perjalanan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 10 haribulan dalam bulan yang berikutnya. Sekiranya lewat, pegawai perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal/Pegawai yang diberi kuasa; ii. Seseorang pegawai hanya boleh mengemukakan satu Borang Tuntutan Perjalanan dalam satu-satu bulan. Jika perjalanan dimulakan pada atau hampir hujung bulan dan disempurnakan dalam bulan yang berikutnya, hitungan kilometer pergi dan balik hendaklah dianggap sebagai perjalanan bagi bulan perjalanan itu disempurnakan; iii. Tuntutan bagi perjalanan rasmi dalam negeri atau luar negeri dan perpindahan rumah hendaklah masing-masing dibuat pada tuntutan yang berasingan; dan iv. Tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi dan semasa berkursus hendaklah bersekali dalam satu-satu bulan, mengikut di dalam negeri atau di luar negeri. 	Perenggan 18, PP WP1.4 (Lampiran C) Perenggan 18, PP WP1.5 (Lampiran B) AP100(a) AP100(b) AP100(d)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKA SURAT : 6/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>1.2 Resit asal atau dokumen yang membuktikan bayaran;</p> <p>Pastikan dokumen berkenaan contohnya salinan penyata Touch n Go/ eWallet/ Kad Debit/ Kad Kredit / lain-lain aplikasi dikemukakan dengan <i>“Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan”</i>;</p> <p>1.3 Surat panggilan / arahan untuk menjalankan tugas rasmi;</p> <p>1.4 Arahan/ Kelulusan Ketua Jabatan atau Pegawai Yang Menyelia bagi menjalankan tugas rasmi di luar pejabat;</p> <p>1.5 Kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri (sekiranya melebihi 240km sejala);</p> <p>1.6 Surat kelulusan ke luar negeri (jika berkaitan);</p> <p>1.7 Salinan penyata akaun bank yang aktif/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank (bagi individu bukan pegawai di jabatan tersebut); dan</p> <p>1.8. Bagi individu yang sudah meninggal dunia, bayaran kepada waris hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:</p>	Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 7/17
-------------------------------------	-------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>i. Salinan penyata akaun/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan</p> <p>ii. Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri); atau</p> <p>iii. Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu);</p> <p>iv. Salinan sijil kematian; dan</p> <p>v. Bon Ganti Rugi (<i>Indemnity Bond</i>)/ Akuan Ganti Rugi; atau</p> <p>vi. Surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00).</p> <p>1.9 Surat Akuan Ketiadaan Kemudahan-kemudahan (<i>Non-availability Certificate</i>), jika berkenaan;</p> <p>1.10 Arahan pembayaran bagi pendahuluan diri, jika berkenaan;</p> <p>1.11 Kelulusan Pegawai Pengawal/ wakil diberi kuasa bagi kelewatan mengemukakan tuntutan perjalanan (Arahan Perbendaharaan 100(a)), jika berkenaan; dan</p> <p>1.12 Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).</p>	<p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p> <p>Perenggan 5.4.1, PP WP1.5</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 8/17
-------------------------------------	-------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>2. Sijil AP58(a)</p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p> <p>3. Kursus Pendek Di Dalam Negeri - Di Luar Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>3.1 Elaun Makan dan jika perlu menginap Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimumnya atau Elaun Lojing bagi sepanjang tempoh kursus mengikut kadar seperti di Lampiran B, sekiranya kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur;</p>	AP58(a) SPANM Bil. 7 Tahun 2018

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKA SURAT : 9/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan						
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>3.2 Sekiranya salah satu kemudahan disediakan, maka unsur yang tidak disediakan itu layak dituntut. Sebagai contoh, sekiranya kemudahan penginapan sahaja disediakan, maka pegawai layak menuntut Elaun Makan. Sekiranya hanya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut:</p> <table border="1"><tbody><tr><td>Sarapan pagi</td><td>20% drpd Elaun Makan</td></tr><tr><td>Makan tengah hari</td><td>40% drpd Elaun Makan</td></tr><tr><td>Makan malam</td><td>40% drpd Elaun Makan</td></tr></tbody></table> <p>3.3 Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan/ Elaun Harian bagi tempoh dua (2) hari, iaitu sehari sebelum dan sehari selepas berkursus mengikut kadar dan syarat seperti mana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu;</p>	Sarapan pagi	20% drpd Elaun Makan	Makan tengah hari	40% drpd Elaun Makan	Makan malam	40% drpd Elaun Makan	Perenggan 4.1, PP WP1.10
Sarapan pagi	20% drpd Elaun Makan							
Makan tengah hari	40% drpd Elaun Makan							
Makan malam	40% drpd Elaun Makan							

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKA SURAT : 10/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>3.4. Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sahaja. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi enam (6) hari;ii. Seseorang pegawai yang disangkutkan ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Ketua Jabatan/ Pegawai Pemerintah itu bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tambang Pengangkutan Awam mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;iii. Elaun Perjalanan Kenderaan ini adalah tertakluk kepada syarat penggunaan kenderaan sendiri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;iv. Seseorang pegawai yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam mengikut mana yang lebih murah dan yang sepatutnya dinaiki tertakluk kepada syarat seperti berikut:	Perenggan 4.1, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKA SURAT : 11/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>a. Kereta Api Penggunaan perkhidmatan kereta api adalah dibenarkan mengikut kelayakan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.</p> <p>b. Kapal Terbang Penggunaan perkhidmatan kapal terbang mengikut kelayakan pegawai hanya dibenarkan sekiranya difikirkan sangat perlu dan mustahak bagi seseorang pegawai sampai ke Pusat Pengajian pada masa yang ditetapkan. Cukai Lapangan Terbang layak dituntut.</p> <p>c. Lain-lain Penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam e-Hailing selain daripada yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan dan tuntutan dibuat berdasarkan kepada tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja.</p> <p>v. Seseorang pegawai yang memilih untuk menggunakan kenderaannya sendiri layak menuntut Tambang Gantian bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja bersamaan dengan tambang lazim perkhidmatan pengangkutan awam yang sepatutnya dinaiki mengikut kelayakan, dengan syarat dinyatakan di dalam borang tuntutan yang mana pegawai berkenaan telah menggunakan kenderaannya sendiri; dan</p>	Perenggan 4.1, PP WP1.10 MOF.DS.600- 31/2/3(30) bertarikh 17 Ogos 2018

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 12/17
-------------------------------------	--------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>vi. Seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau apa-apa bayaran tambahan bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat berkursus dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang, bayaran tempat tidur dalam kereta api (<i>berth charges</i>), bayaran tol dan sebagainya.</p> <p>4. Kursus Pendek Di Dalam Negeri - Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>4.1 Bayaran sebanyak RM15 sehari untuk hari-hari berkursus sahaja dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan ii. Kursus itu diadakan di luar bangunan/kompleks tempat biasa pegawai bertugas. <p>4.2 Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti di perenggan 3.4.</p>	Perenggan 4.1, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 13/17
-------------------------------------	--------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>5. Kursus Panjang Di Dalam Negeri - Di Luar Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>5.1 Elaun Sara Hidup sebanyak RM25 sehari bagi sepanjang tempoh kursus tertakluk kepada syarat seperti berikut:</p> <p>Kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.</p> <p>5.2 Sekiranya salah satu kemudahan sahaja disediakan, maka elaun yang tidak disediakan itu layak dituntut mengikut pecahan unsur elaun, iaitu 50% untuk penginapan dan 50% untuk makan. Jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, maka pegawai layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu mengikut kadar seperti di perenggan 3.2;</p> <p>5.3 Sekiranya Pusat Pengajian mengarahkan seseorang pegawai mengikuti kajian luar/ latihan amali atau disangkutkan di pejabat di luar Pusat Pengajiannya, maka pegawai layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti di perenggan 3.1. Dalam tempoh ini, pegawai tidak layak menuntut Elaun Sara Hidup seperti di perenggan 5.1;</p>	Perenggan 5.1, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 14/17
-------------------------------------	--------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>5.4 Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan/ Elaun Harian bagi tempoh dua (2) hari iaitu sehari sebelum dan sehari selepas berkursus mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran perkhidmatan, cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu; dan</p> <p>5.5 Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti di perenggan 3.4.</p> <p>6. Kursus Panjang Di Dalam Negeri - Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>6.1 Elaun Sara Hidup sebanyak RM15 sehari sepanjang kursus tertakluk kepada syarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang berkursus di dalam kawasan Ibu Pejabat; atau; ii. Pegawai dari luar kawasan Ibu Pejabat yang menerima Arahan Pertukaran; dan iii. Kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan iv. Kursus itu diadakan di luar bangunan/ kompleks tempat biasa pegawai bertugas; <p>6.2 Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti di perenggan 3.4.</p>	Perenggan 5.1, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 15/17

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>7. Kursus Sambilan Di Dalam Negeri - Di Luar Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>7.1 Bayaran sebanyak RM10 sehari bagi hari-hari berkursus sahaja yang mana unsurnya terdiri daripada RM5 untuk bantuan makan dan RM5 untuk bantuan perjalanan sekiranya kemudahan makan dan pengangkutan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan</p> <p>7.2 Bagi tujuan menghadiri Kursus Sambilan pegawai tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam.</p> <p>8. Kursus Sambilan Di Dalam Negeri - Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat</p> <p>8.1 Bayaran sebanyak RM8 sehari bagi hari-hari berkursus sahaja yang mana unsurnya terdiri daripada RM5 untuk bantuan makan dan RM3 untuk bantuan perbelanjaan perjalanan sekiranya kemudahan makan dan pengangkutan tidak disediakan. Pegawai yang mengikuti Kursus Sambilan di dalam bangunan/kompleks yang sama tidak layak menuntut bayaran di atas.</p>	Perenggan 6.1, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 16/17
-------------------------------------	--------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>9. Pendahuluan Diri</p> <p>Seseorang pegawai yang berkursus di luar Ibu Pejabat adalah layak memohon Pendahuluan Diri tertakluk kepada syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.</p> <p>10. Peruntukan Am</p> <p>Sekiranya kemudahan makan, penginapan dan pengangkutan bagi mengikuti kursus pendek/panjang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur, maka pegawai tidak layak lagi menuntut elaun, kemudahan dan bayaran berkaitan.</p> <p>11. Yuran Kursus</p> <p>Pegawai layak menuntut bayaran balik yuran kursus yang telah dibelanjakannya dan disokong dengan resit.</p>	Perenggan 9, PP WP1.10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DALAM NEGERI (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 17/17
-------------------------------------	--------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak			Rujukan																														
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra- Perkhidmatan)	<p>12. Kod Akaun</p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B02210000.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc;">Perkara</th> <th style="background-color: #cccccc;">Pegawai Perkhidmatan Awam</th> <th style="background-color: #cccccc;">Polis</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Elaun Makan/ Harian</td><td>B0221101</td><td>B0221301</td></tr> <tr> <td>Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing</td><td>B0221102</td><td>B0221302</td></tr> <tr> <td>Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL</td><td>B0221103</td><td>B0221303</td></tr> <tr> <td>Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi</td><td>B0221104</td><td>B0221304</td></tr> <tr> <td>Tambang Kapal/ Bot/ Feri</td><td>B0221105</td><td>B0221305</td></tr> <tr> <td>Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian</td><td>B0221106</td><td>B0221306</td></tr> <tr> <td>Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan</td><td>B0221199</td><td>B0221399</td></tr> <tr> <td>Elaun Sara Hidup</td><td>B0221199</td><td>B0221199</td></tr> <tr> <td>Bayaran Yuran Kursus</td><td>B0229107</td><td>B0229107</td></tr> </tbody> </table>	Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis	Elaun Makan/ Harian	B0221101	B0221301	Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221102	B0221302	Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221103	B0221303	Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221104	B0221304	Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221105	B0221305	Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221106	B0221306	Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan	B0221199	B0221399	Elaun Sara Hidup	B0221199	B0221199	Bayaran Yuran Kursus	B0229107	B0229107			PP PS P1.1 SPANM Bil.10 Tahun 2017
Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis																																
Elaun Makan/ Harian	B0221101	B0221301																																
Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221102	B0221302																																
Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221103	B0221303																																
Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221104	B0221304																																
Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221105	B0221305																																
Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221106	B0221306																																
Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan	B0221199	B0221399																																
Elaun Sara Hidup	B0221199	B0221199																																
Bayaran Yuran Kursus	B0229107	B0229107																																

Lampiran A**Jadual Perubahan/ Perbandingan Bagi Pegawai Yang Memilih Untuk Tidak Menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM)**

KUMPULAN (JKK 1976)	GRED/ KATEGORI (SSB)	GRED (SSM)
Kumpulan A	Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional
Tingkatan Tertinggi A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas
Tingkatan Tertinggi B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C
Tingkatan Tertinggi D	Kategori I bergaji RM4,794.02 dan ke atas	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi E	Kategori I bergaji RM4,794.01 dan ke bawah	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi F dan G	Kategori II dan III bergaji RM3,905.88 dan ke atas	Gred 45 hingga 52
Tingkatan Kanan	Kategori III bergaji RM3,080.66 hingga RM3,905.87	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.74 dan ke atas	Gred 41 hingga 44
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori III bergaji RM3,080.65 dan ke bawah	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.73 dan ke bawah	Gred 41 hingga 44
Kumpulan B	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori V dan VI	Gred 31 hingga 40
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori VII	Gred 27 hingga 30
Kumpulan C	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori VIII	Gred 21 hingga 26
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori IX	Gred 17 hingga 20
Kumpulan D	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori X	Gred 13 hingga 16
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori XI	Gred 1 hingga 12

Lampiran B**Kadar Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel Dan Elaun Lojing Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)**

Gred	Elaun Makan (RM)	Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Semenanjung Malaysia			
Utama/ Khas A dan ke atas atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	80.00
Utama/ Khas B dan C atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	75.00
53 dan 54 atau Yang Setaraf	70.00	Bilik Biasa	70.00
45 hingga 52 atau Yang Setaraf	60.00	145.00	60.00
41 hingga 44 atau Yang Setaraf	45.00	130.00	55.00
17 hingga 40 atau Yang Setaraf	40.00	80.00	35.00
1 hingga 16 atau Yang Setaraf	35.00	65.00	30.00
Sabah, Labuan dan Sarawak			
Utama/ Khas A dan ke atas atau Yang Setaraf	120.00	Bilik Biasa	85.00
Utama/ Khas B dan C atau Yang Setaraf	120.00	Bilik Biasa	80.00
53 dan 54 atau Yang Setaraf	90.00	Bilik Biasa	75.00
45 hingga 52 atau Yang Setaraf	80.00	160.00	70.00
41 hingga 44 atau Yang Setaraf	65.00	140.00	60.00
17 hingga 40 atau Yang Setaraf	55.00	100.00	40.00
1 hingga 16 atau Yang Setaraf	50.00	80.00	35.00

Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)



